

04/08/2000

Perbincangan SPP gagal capai kata sepakat

KUALA LUMPUR, Khamis - Perbincangan antara tiga pihak bagi mewujudkan Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP) yang dijangka memberi faedah kepada lebih lapan juta pekerja di seluruh negara, hari ini gagal mencapai kata sepakat.

Ini berikutan pendirian Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) sebagai mewakili majikan, yang masih bertegas bahawa pelaksanaan skim itu bukan saja meningkatkan perbelanjaan operasi malah tidak memberi keadilan kepada syarikat yang diuruskan dengan baik.

Dalam mesyuarat tertutup kira-kira dua jam yang turut dihadiri Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn di pejabatnya di sini petang ini, pekerja diwakili Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Cuepacs.

SPP yang dicadangkan dua tahun lalu ketika ekonomi gawat bertujuan membantu pekerja yang diberhentikan oleh syarikat yang menghadapi masalah bagi mendapatkan pampasan sewajarnya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Fong berkata, MEF bagaimanapun menyatakan, syarikat yang diuruskan dengan baik tidak seharusnya dibebankan melalui pelaksanaan SPP semata-mata berikutan tindakan segelintir syarikat yang mengabaikan kewajipan membayar pampasan kepada pekerja yang diberhentikan.

"Namun MTUC dan Cuepacs menyatakan pekerja daripada syarikat yang diuruskan dengan baik juga memberi sumbangan (kepada SPP). Oleh itu, kita terpaksa mengimbangi hujah ini untuk kepentingan kedua-dua pihak.

"Berikutan itu, kita mengambil keputusan untuk terus mengadakan rundingan bagi menangani isu berbangkit. Saya yakin, akhirnya nanti kita berjaya mencapai penyelesaian. Esok, saya mengadakan pertemuan dengan pihak MEF untuk berbincang lanjut," katanya.

Hadir sama ialah Presiden MEF, Md Jafar Abdul Carrim; Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak dan Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam.

Sabtu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersedia melaksanakan SPP untuk membantu pekerja yang diberhentikan syarikat yang menghadapi masalah bagi mendapatkan pampasan sewajarnya, jika dipersetujui majikan yang diwakili MEF.

Sebelum ini, MEF, Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa) membantah cadangan mewujudkan skim itu kerana ia dikatakan akan meningkatkan perbelanjaan operasi mereka.

(END)